

**MENGAPLIKASI CARA MENANGANI SITUASI BERISIKO DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH
TERHADAP DIRI, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PENDIDIKAN KESIHATAN TAHUN 6

NAMA MURID:

	Situasi	Susulan 1	Susulan 2	Kesan negatif
1	Saya suka bergaul dengan kumpulan mat rempit kerana kebebasan peribadi.	Kumpulan ini memperkenalkan dadah untuk menghilangkan rasa takut saya untuk menunggang laju.	Saya berasa seronok dengan kesan dadah tersebut dan berpeluang untuk mendapat rakan yang bahan dengan mudah.	Saya terlibat dengan kemalangan dan tidak boleh berjalan dan menyusahkan keluarga untuk menyara saya.
	Pilihan ideal anda	Tindakan 1	Tindakan 2	Kesan positif
2	Saya tertekan dengan suasana keluarga yang tidak stabil.	Saya mengambil dadah untuk menghilangkan tekanan perasaan tersebut.	Saya berasa khayal dan dapat melupakan tekanan.	Saya ketagih mengambil dadah dan tidak dihiraukan oleh ahli keluarga.
	Pilihan ideal anda	Tindakan 1	Tindakan 2	Kesan positif
3	Saya suka berparti di kelab-kelab hiburan.	Saya mengambil dadah untuk menambah keseronokan ketika berhibur.	Dadah senang untuk diperolehi dengan harga yang mahal.	Saya menjadi seorang yang sangat agresif dalam perlakuan seharian dan akhirnya ditahan di pusat pemulihan.
	Pilihan ideal anda	Tindakan 1	Tindakan 2	Kesan positif
4	Saya suka mencuba perkara yang berisiko untuk kepuasan diri.	Saya diperkenalkan kepada dadah.	Saya berasa khayal dan mendapat kepuasan.	Saya dijangkiti HIV dan AIDS kerana perkongkian jarum dan masyarakat telah menyisihkan saya.
	Pilihan ideal anda	Tindakan 1	Tindakan 2	Kesan positif

Pilihan ideal anda Saya perlu mencari hiburan yang bermanfaat.	Tindakan 1 Saya perlu kekal aktif bersosial bersama dengan rakan-rakan yang mempunyai minat yang sama.	Tindakan 2 Saya menggunakan sumber wang saya untuk menjalani gaya hidup yang sihat.	Kesan positif Saya akan menjadi seorang yang aktif dan sihat tubuh badan.
Pilihan ideal anda Saya akan cuba berbincang dengan keluarga saya untuk membetulkan keadaan.	Tindakan 1 Saya akan berjumpa dengan guru kaunseling sekolah untuk menceritakan masalah saya.	Tindakan 2 Saya akan mendapatkan bantuan daripada pusat pemulihan.	Kesan positif Saya akan lebih disayangi oleh keluarga dan menjadi ahli keluarga yang bertanggungjawab.
Pilihan ideal anda Saya suka mencuba perkara-perkara yang bermanfaat untuk kesejahteraan diri	Tindakan 1 Saya akan menolak pengaruh tersebut dan melaporkan kepada pihak berkuasa	Tindakan 2 Saya akan cuba merapatkan diri dengan ibadat agama untuk melupakan ketagihan	Kesan positif Saya akan menjadi seorang yang patuh kepada agama dan berjaya dalam hidup
Pilihan ideal anda Saya akan memilih kumpulan yang melakukan aktiviti sihat sahaja.	Tindakan 1 Saya akan berkata TIDAK dengan sopan dan cuba menasihati mereka.	Tindakan 2 Saya akan cuba berhenti daripada menagih dadah dan mengelakkan diri daripada bergaul dengan kumpulan ini lagi.	Kesan positif Saya akan menjadi seorang yang berguna kepada keluarga dan masyarakat.